

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA. PENGGAL KETIGA.

PARLIMEN KETIGA BELAS.

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan Pusat mempunyai sebarang perancangan pembangunan khas di Bandar Sarikei dan Bintangor dalam tempoh masa lima tahun akan datang. Senaraikan projek-projek khas yang sedang dan akan dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) terdapat 25 projek pembangunan di Sarikei dan empat (4) projek pembangunan di Bintangor telah diluluskan. Daripada sejumlah 29 projek berkenaan, sehingga 11 Mei 2015, 25 projek telah siap manakala empat (4) lagi projek sedang dilaksanakan. Projek pembangunan ini termasuklah kemudahan infrastruktur (13 projek), pentadbiran (4 projek), pelajaran dan latihan (12 projek). Antara contoh projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Projek Peningkatan Giatmara, Sarikei;
- ii. Projek bekalan air luar bandar kawasan Pakan, Bahagian Sarikei,(Fasa II);
- iii. Loji rawatan air Sarikei;
- iv. Membina jalan Sarikei ke Tg. Manis; dan
- v. Jalan Selidap di Bintangor, Meradong.

Untuk makluman, perancangan bagi projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas masih belum dimuktamadkan. Kelulusan bagi peruntukan projek pembangunan akan dimuktamadkan setelah Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Belanjawan) oleh Perdana Menteri dibahas dan diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada Mesyuarat Ketiga Parlimen kelak.

Sekian, terima kasih.